

TARIKH	30 / 10 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	17	RUANGAN	SETEMPAT

## Pengendalian perjalanan ibadah haji 2012 lancar

**M**AKKAH: Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Jamil Khir Baharom bersyukur kerana Lembaga Tabung Haji dapat mengendalikan perjalanan ibadah haji 2012 dengan lancarnya buat jemaah Malaysia.

Beliau berkata, jemaah Malaysia juga dilihat sangat berpuas hati kerana dapat menunaikan ibadah haji mereka dengan jayanya.

“Secara keseluruhannya pada ibadah haji tahun ini, kita lihat ada peningkatan dari sudut pergerakan terutama untuk membawa 28,000 jemaah haji Malaysia ke Padang Arafah, Muzdalifah dan Mina.

“Kita lihat ia adalah satu pelaksanaan yang berjaya,” katanya selepas majlis penyampaian kad ucapan dan kuih Hari Raya Haji daripada Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak dan isteri Datin Seri Rosmah Mansor kepada jemaah haji Malaysia di ibu pejabat Tabung Haji di sini.

Beliau berkata, tahap ke-

sihatan jemaah dapat dipantau baik berikutan adanya pasukan perubatan Tabung Haji.

Selain itu, katanya, jumlah kematian jemaah Malaysia juga berkurangan iaitu 24 berbanding 79 orang pada tahun lepas.

Sementara itu, Amir Daerah Makkah, Putera Khaled Al-Faisal dalam akhbar Inggeris Arab Saudi, Saudi Gazette, menyalahkan kehadiran lebih dari 1.3 juta jemaah haji luar negara yang masuk ke Arab Saudi untuk menunaikan haji tanpa permit sah.

Tinjauan Bernama mendapati, jemaah haji Malaysia sudah mula bergerak pulang ke hotel penginapan masing-masing di sini selepas selesai melakukan ibadah melontar jamrah di Mina semalam.

Kembali ke Masjidil Haram, jemaah haji akan melakukan tawaf mengelilingi Kaabah, saie antara Bukit Safa dan Bukit Marwah serta tahlul thani sebagai mengakhiri ibadah haji masing-masing. - Bernama